

# **PENGURUSAN PEMBANGUNAN BELIA KE ARAH PEMBENTUKAN GENERASI 2057**

*Prof. Dr. Samsudin A. Rahim  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
Kementerian Belia dan Sukan*

*Kertas kerja disampaikan di Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057.  
Putrajaya, 2-4 September 2007.*

---

## **Pengenalan**

Pengurusan pembangunan belia akan memasuki satu fasa baru dengan berkuatkuasanya Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia. Kita mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan apa yang sedang kita lakukan atau kita membawa perubahan dalam cara kita menguruskan pembangunan belia. Akta tidak boleh dilihat sebagai satu urusan perpindahan pengurusan dan pendaftaran pertubuhan belia sahaja dari sebuah agensi ke sebuah agensi yang lain. Akta perlu dilihat sebagai satu garis pemisah untuk perubahan yang dinamik dan pragmatik dari segi pengurusan pembangunan belia ke arah mencapai misi nasional.

Dalam suasana kita menyambut ulangtahun kemerdekaan yang ke-50, kita telah diberi satu lagi cabaran iaitu untuk menjadikan Malaysia negara terbilang menjelang tahun 2057. Misi nasional ini adalah kesinambungan misi wawasan 2020 yang akan menjadikan negara ini sebuah negara maju yang dibentuk dengan acuannya yang tersendiri. Pembentukan generasi Malaysia terbilang semestinya bermula daripada generasi belia sekarang.

Pembentukan generasi Malaysia terbilang memerlukan usaha daripada pelbagai agensi. Bagi agensi kerajaan dan pertubuhan belia yang bertanggungjawab terhadap pembangunan belia, misi nasional ini memberikan satu cabaran besar sejauhmana kita berupaya untuk merealisasikan matlamat misi nasional tersebut. Setiap matlamat memerlukan strategi yang sesuai untuk perlaksananannya. Begitu juga untuk mencapai

misi nasional Malaysia terbilang pada tahun 2057 memerlukan perubahan dari segi strategi dan pelaksanaan dalam pengurusan belia.

## **Menangani Perubahan**

Dunia kini berubah dengan pantas. Generasi muda hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan perubahan yang kerap kali berlaku terlalu pantas sehingga mereka sendiri tidak dapat mengikuti arus perubahan itu. Jika kita ingin maju kita terpaksa mengikut arus perubahan dengan liku-likunya kerana jika tidak, kita akan terpinggir dan tertinggal ke belakang kerana pesekitaran kita telah jauh berubah.

Untuk mewujudkan satu generasi terbilang bukanlah satu usaha yang mudah. Walau bagaimanapun ia perlu ada permulaannya. Permulaan itu adalah perubahan dari segi matlamat dan cara kerja untuk mencapai misi berkenaan. Perubahan sememangnya sukar kerana ia akan mengubah kelaziman kita. Namun begitu perubahan adalah perlu kerana tanpa perubahan hidup kita akan menjadi statik dan tiada cabaran. Seorang penyajak Roman Ovid (43 BC – AD 17) pernah berkata:

*“... There is nothing in the whole world which is permanent. Everything flows onward; all things are brought into being with a changing nature; the ages themselves glide by in constant movement”.*

Hakikatnya kita tidak akan dapat mencapai matlamat baru dengan cara kerja yang lama. Jika perubahan adalah sesuatu yang perlu, kenapakah ramai yang cuba menghalang dan menolak perubahan? Lazimnya bukan perubahan itu yang ditakuti dan ditolak, tetapi pengurusan menangani perubahan itu yang menjadi masalah sehingga menimbulkan keraguan dan keresahan dikalangan mereka yang kita ingin lakukan perubahan. Ada yang akan berpuashati dengan perubahan yang minimum dan meraikannya sebagai satu perubahan yang besar. Begitu juga ada yang ingin membawa perubahan yang besar tetapi terpaksa berpuashati dengan kejayaan kecil yang diperolehinya. Untuk mengurus perubahan, kita perlu memberikan perhatian kepada enam perkara ini;

- visi untuk perubahan
- kemahiran untuk melakukan perubahan
- insentif untuk membawa perubahan
- sumber-sumber untuk membantu perubahan

- Plan tindakan untuk perubahan
- Penilaian untuk memantau proses perubahan

Dalam konteks menangani perubahan ini, latihan dan pendidikan adalah penting. Pembangunan modal insan adalah berkaitan dengan dua perkara tersebut iaitu latihan dan pendidikan. Justeru itu untuk membolehkan kita menangani perubahan bagi mencapai misi nasional pelaburan dalam modal insan di kalangan mereka yang berkerja dengan generasi muda perlu diberikan perhatian.

### **Perubahan Paradigma Pembangunan Belia**

Satu perubahan besar yang perlu kita lakukan adalah kerangka kerja pembangunan belia itu sendiri. Adakah kita masih lagi berpegang kuat kepada usaha pembangunan belia yang matlamat utamanya adalah untuk mengisi masa lapang dan menangani masalah sosial golongan tersebut? Atau kita inginkan perubahan bahawa usaha pembangunan belia di mana tumpuan utamanya adalah membangunkan potensi yang ada pada diri golongan belia itu?

Dari segi akademik, kajian menunjukkan bahawa usaha terbaik membangunkan belia adalah dengan mengasuh asas-asas yang boleh menyerlahkan potensi yang ada pada diri individu itu. Jika asas-asas ini telah dikukuhkan, isu belia bermasalah dapat dikurangkan. Mengurangkan masalah di kalangan belia, tidak bermakna kita telah berjaya membangunkan seseorang belia. Dengan itu dicadangkan usaha pembangunan belia seharusnya memberikan tumpuan kepada pendekatan aset (menguatkan keupayaan asas diri bagi menyerlahkan potensi) berbanding dengan pendekatan defisit (bertujuan menangani masalah sosial dikalangan belia).

Usaha pembangunan belia hari ini telah berubah kepada pembangunan belia positif. Menurut Delgado (2002) pembangunan belia positif adalah;

“... purposefully seeking to meet youth needs and build youth competencies relevant to enabling them to become successful adults. Rather than seeing young people as problems, this positive youth development approach views them instead as resources and builds on their strengths and capabilities to develop within their own community”.

Perubahan dalam pendekatan pembangunan belia seterusnya menekankan kepada peranan komuniti. Komuniti tidak seharusnya hanya dilihat sebagai konteks

dalam pembangunan belia. Komuniti seharusnya dilihat sebagai satu wahana atau penggerak dalam pembangunan belia. Komuniti yang baik dan berjaya dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan generasi belianya. Begitu juga generasi belia yang sihat akan dapat menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan hidup komunitinya. Dengan itu peranan komuniti dalam pembangunan belia dirumuskan seperti berikut:

“...Youth development is a community responsibility, and community factors can enhance or deter development. ... Youth are a key part of the community and there is a reciprocal influence between their development and the roles they play in creating healthy community conditions; and youths must be involved as full partners in the design, delivery, governance, monitoring, and evaluation of youth programs.”

Kita perlu melihat pembangunan belia sebagai satu proses yang mempunyai falsafahnya yang tersendiri, matlamat dan juga outcome yang tertentu. Pembangunan belia ‘ .. *is a process not an event.*”

### **Sistem Penyampai Pembangunan Belia**

Untuk memastikan usaha pembangunan belia sampai kepada sebahagian besar golongan belia, kita memerlukan sistem penyampai yang berkesan untuk menggerakkan golongan belia diperingkat akar umbi. Senario hari ini menunjukkan tidak lebih daripada 10 peratus golongan belia menjadi ahli pertubuhan belia. Di sini akan timbul jurang dari segi keupayaan pertubuhan belia untuk merealisasikan program yang boleh memanfaatkan sebahagian besar golongan belia. Keupayaan jangkauan pertubuhan belia sedia ada terhadap 11.1 juta belia di negara ini adalah terhad.

Untuk mengisi kelompangan yang wujud dari segi jangkauan, pendekatan baru telah digunakan untuk melaksanakan program pembangunan belia. Sekarang ini beberapa organisasi akar umbi seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, Urusetia Rukun Tetangga, wakil-wakil rakyat telah secara aktif melibatkan sama dalam usaha memanjangkan jangkauan untuk membolehkan program pembangunan belia sampai keperingkat akar umbi dengan berkesan. Usaha ini juga selaras dengan pendekatan pembangunan belia komuniti yang menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan belia.

Daripada lebih kurang 6000 pertubuhan belia yang berdaftar, hanya lebih kurang 3000 sahaja yang aktif. Persoalannya adakah kita memerlukan bilangan pertubuhan yang banyak tetapi mempunyai keahlian yang kecil, atau kita mempunyai bilangan pertubuhan belia yang kecil tetapi keahlian setiap pertubuhan itu mempunyai ahli yang ramai? Dalam organisasi perniagaan yang dipentingkan adalah nilai aset yang dimiliki oleh sesebuah organisasi. Dalam konteks pertubuhan belia, aset yang penting adalah keahlian mereka.

Persatuan belia di negara ini memerlukan perubahan dengan melalui proses penstrukturan semula. Penstrukturan bukan sahaja dari segi meningkat aset keahlian, tetapi juga dari segi program, pengurusan dan kompetensi. Persatuan belia perlu diklasifikasikan mengikut keupayaan dan kemampuan mereka terutamanya dari segi saiz ahli yang akan dapat memanfaatkan daripada setiap program yang dilaksanakannya.

Begitu juga pengurusan persatuan belia perlu lebih telus dan profesional dimana mereka mempunyai staf program yang terlatih dan sepenuh masa untuk memastikan program berjalan secara terancang bukan secara ikut selera dan kelapangan masa pemimpin-pemimpin persatuan. Pertubuhan belia boleh memikirkan budaya kerja dan budaya korporat baru untuk menyahut cabaran pembentukan masyarakat Malaysia yang terbilang menjelang 2057.

### **Mencorakkan Program Pembangunan Belia**

Apakah program pembangunan belia perlu dilaksanakan secara tematik dan menjadi tonggak kepada tema yang lebih besar seperti misi nasional atau matlamat pembangunan millenium diperingkat antarabangsa? Atau kita lebih selesa dengan program bercorak lokal tanpa mempunyai tema tertentu dan matlamat jangka panjang. Setiap program pembangunan belia perlu menghasilkan sesuatu *outcome* yang akan menjadi pengukur kepada keberkesanan program.

Bilangan peserta, makanan yang enak, acara perasmian yang gemilang atau pakaian seragam yang hebat bukanlah kayu pengukur *outcome* yang dikehendaki. Dalam pendekatan pembangunan belia positif, diantara *outcome* yang disasarkan adalah mengukuhkan daya tahan diri, meningkatkan kesefahaman, memupuk keupayaan emosi, kognitif dan tingkahlaku, meningkatkan efikasi diri, keterlibatan dalam

tingkah laku pro-sosial, memupuk norma pro-sosial dan meningkatkan keyakinan terhadap masa depan.

Bagimanakah pula kita membentuk program yang bersepadu yang bukan sahaja membentuk asas-asas positif setiap individu belai tetapi dalam masa yang sama mengikat program pembangunan belia dengan agenda yang lebih besar yang termaktub dalam misi nasional, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Dunia oleh Bangsa-bangsa Bersatu, atau pembentukan komuniti Timur Jauh oleh negara ASEAN + 3. Bagaimana pula kita meningkatkan kesedaran dan sensitiviti belia terhadap isu alam sekitar dan pemuliharaan, pertembungan antara tamadun, menghayati seni warisan, isu perdagangan dan ekonomi global, isu kemiskinan dan keterpinggiran, isu perpaduan dan intergrasi nasional, isu jurang antara generasi, atau juga isu membentuk minda klas pertama. Semua ini boleh dijadikan satu perbatasan baru dalam usaha kita membawa anjakan kepada program pembangunan belia.

Kita harus juga bertanya adakah perancangan program pembangunan belia masih lagi perlu perancangan pusat atau sudah boleh dinyahpusatkan kepada peringkat daerah? Perancangan pusat mengandaikan keupayaan perancangan dan menentukan program tidak dimiliki oleh mereka yang melaksanakan diperingkat daerah. Namun begitu jika semua pekerja, sama ada di sektor kerajaan dan bukan kerajaan, belia telah diberikan latihan, bolehkah tanggungjawab perancangan boleh dipikul oleh mereka diperingkat daerah? Walaupun perancangan pusat memberikan keseragaman, tetapi perancangan pusat juga melemahkan aspek kesesuaian dan kepekaan kepada isu tempatan. Program pembangunan belia yang baik adalah program yang relevan dengan keperluan dan masalah tempatan.

### **Kompetensi Pekerja Belia**

Untuk menjayakan program pembangunan belia mengikut pendekatan baru memerlukan pembentukan generasi pekerja belia yang baru dan dinamik. Keperluan kompetensi pekerja belia untuk melaksanakan program melalui pendekatan baru perlu diberikan perhatian. Pendidikan dan latihan perlu diperpanjangkan kepada mereka. Kursus dan lawatan sambil belajar dalam dan keluar negara perlu dirancang agar kemahiran dan kompetensi yang sesuai dapat dipindahkan kepada mereka. Program

pembangunan belia tidak akan mengalami anjakan baru jika kompetensi pekerja belia masih ditakuk lama tanpa mengalami apa-apa perubahan.

Kompetensi yang diperlukan oleh pekerja belia boleh dibahagikan kepada dua iaitu; i) kemahiran kepimpinan ii) pengetahuan mengenai isu. Kemahiran kepimpinan termasuklah keupayaan menangani perubahan, berkomunikasi dengan baik, mengurus konflik, membuat keputusan, membina kumpulan efektif, pengurusan mesyuarat, perancangan strategik, dan penyelesaian masalah.

Kompetensi kedua adalah berkaitan dengan isu. Semua pekerja belia perlu mempunyai ilmu dan kemahiran merancang, mengurus, melaksana dan menilai sesuatu program. Tanpa ilmu sedemikian, kita tidak dapat melahirkan pengurus program pembangunan belia yang efisien dan efektif. Selain itu, setiap program pembangunan belia perlu 'dipasarkan' kepada bakal-bakal pelanggannya yang terdiri daripada pelbagai golongan belia. Dengan itu ilmu dan kemahiran seperti pemasaran sosial, usahawan sosial, bagaimana menganjurkan usaha mendapatkan bantuan dan sebagainya perlu juga dimiliki oleh pekerja belia. Ilmu yang perlu dimiliki oleh pekerja belia ini bukan sahaja terbatas kepada apa yang disenaraikan tetapi banyak lagi mengikut kesesuaian dan keperluan individu perkerja itu sendiri.

Peningkatan ilmu pekerja belia ini seterusnya membawa kepada isu profesionalisme pekerja belia. Adakah sesiapa sahaja boleh menjadi pekerja belia atau mereka perlu mempunyai satu tahap ilmu dan kemahiran minima. Mungkin menjadikan profesionan pekerja belia satu pekerjaan khusus masih jauh lagi perancangannya tetapi kita mesti mula bertanya perlukah kita wujudkan pekerja belia yang profesional?

Berkaitan dengan kepentingan membangunkan belia dalam konteks yang positif, diantara isu yang perlu ada adalah etika pekerja belia itu sendiri. Di Australia diantara etika yang menjadi panduan pekerja belia adalah peningkatan ilmu pengetahuan. Perkara 9 dalam etika tersebut menyatakan, "*Youth workers have a responsibility to keep up to date with the information, resources, knowledge and practices needed to meet their obligations to young people*". Etika ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa pekerja belia mestilah bertanggungjawab mengemaskinikan pengetahuan

mereka dalam kerja mereka. Jika tidak ilmu mereka menjadi usang dan tidak relevan dengan corak dan pendekatan pembangunan belia masa kini.

### **Melangkah ke Hadapan**

Pembangunan belia yang mempunyai asas yang kukuh akan menjamin masa depan generasi akan datang. Generasi belia adalah aset negara. Pembangunannya perlu diberikan perhatian dan tumpuan yang sewajarnya. Bolehkah kita pastikan setiap individu belia di negara ini boleh mendapat akses kepada peluang dan sokongan pembangunan diri mereka. Di Amerika Syarikat dianggarkan bahawa setiap belia perlu mendapat akses selama 1200 jam setahun kepada program pembangunan belia untuk membolehkan belia mereka melalui proses transisi daripada seorang belia kepada seorang dewasa yang produktif dan mempunyai tanggungjawab sosial yang baik.

Setiap program pembangunan belia memerlukan peruntukan kewangan. Apa lagi jika kita perlu menyediakan program selama 1200 jam setahun untuk setiap belia kita. Maka kita memerlukan anggaran perbelanjaan sebanyak RM3.6 billion dengan kadar setiap jam sebanyak RM2 bagi setiap individu belia. Peruntukan yang banyak boleh diusahakan. Tetapi persoalannya apakah *outcome* yang boleh kita lahirkan melalui program pembangunan belia yang menelan belanja sedemikian?

Keadaan program pembangunan belia berada ditahap yang kritikal, sama ada dari segi keterlibatan belia dalam program, agihan program kepada golongan sasaran yang tertentu, dan juga dari segi keberkesanan kos dan pulangan dalam setiap pelaburan program pembangunan belia.

Selagi falsafah dan matlamat pembangunan belia di negara ini masih samar-samar dan tidak jelas, selagi itulah sukar bagi kita untuk menentukan dengan jelas mengenai *outcome* yang akan kita perolehi hasil daripada pelaburan dalam program pembangunan belia. Kita sering kali juga terkeliru dari segi memberi imbalan pembangunan belia dalam pelaburan kepada pembangunan infrastruktur berbanding dengan pembangunan individu.

Usaha untuk menyegarkan kembali program pembangunan belia tidak boleh dijayakan oleh sesebuah agensi atau pertubuhan. Tidak boleh wujud kuasa monopoli



dalam usaha pembangunan belia. Kerajaan, badan bukan kerajaan, komuniti dan juga generasi belia sendiri perlu terbabit dalam usaha pembangunan belia. Pengembelian tenaga adalah diperlukan dengan hala tuju yang jelas untuk menyediakan asas yang betul bagi melahirkan generasi Malaysia yang terbilang menjelang tahun 2057.

### **Kesimpulan**

Penguatkuasaan Akta Petubuhan Belia dan Pembangunan Belia dalam konteks negara kita merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke 50 tahun perlu dilihat sebagai satu peluang untuk kita melakukan perubahan dalam pengurusan pembangunan belia. Kita boleh menoleh kebelakang untuk menilai kejayaan dan kegagalan kita. Namun begitu kita perlu melakukan perubahan untuk menuju ke hadapan. Ini disebabkan jalan ke hadapan adalah satu jalan yang berbeza dengan jalan yang pernah kita lalui. Jalan ke hadapan memerlukan ilmu, pendekatan dan falsafah yang baru untuk menyesuaikan dengan keadaan persekitaran yang kian berubah. Organisasi yang efektif dan berjaya adalah organisasi yang dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan persekitaran dimana ia menjalankan operasinya. Sekiranya organisasi tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran, ia akan menjadi tidak relevan dan 'gulung tikar'. Perubahan adalah perlu tetapi sukar untuk dilaksanakan. Namun begitu kita perlu berusaha menangani perubahan.